



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PENCUKAIAN PENDAPATAN YANG
TERBIT DARIPADA PENYELESAIAN**

KETETAPAN UMUM NO. 4/2021

TARIKH PENERBITAN: 13 OGOS 2021



Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2021 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	2
5. Penyelesai	3
6. Penyelesaian	4
7. Pendapatan daripada Penyelesaian Disifatkan sebagai Pendapatan Penyelesai	6
8. Penyelesaian Mewujudkan Amanah	13
9. Kes-Kes Penyelesaian di mana Amanah Tidak Diwujudkan	15
10. Resolusi Terhadap Jumlah Apa-Apa Pendapatan yang Dibayar atau Pembahagian Pendapatan atau Pendapatan Berkanun	16
11. Dua atau Lebih Penyelesai Dalam Suatu Penyelesaian	16
12. Mendapatkan Semua Cukai Pendapatan yang Dibayar oleh Penyelesai	16
13. Penafian	17

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung dengan peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk memberi penjelasan mengenai pencukaian pendapatan yang terbit daripada penyelesaian yang diwujudkan oleh seseorang untuk manfaat orang lain.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 7, 8, 21, 21A, 48, 61 dan 65 serta subseksyen 45(2).

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 "Anak" dalam hubungan kepada individu atau isterinya, bermaksud anak sah atau anak tiri seseorang individu atau isterinya atau seorang anak yang diambil sebagai anak angkat oleh individu atau isterinya menurut mana-mana undang-undang di mana Ketua Pengarah berpuas hati tentang pengambilan anak tersebut sebagai anak angkat.
- 3.2 "Badan amanah", berkaitan dengan suatu amanah, bermaksud badan amanah yang diperuntukkan di bawah seksyen 61 ACP.
- 3.3 "Bukan pemastautin" bermaksud selain daripada pemastautin di Malaysia menurut seksyen 7, 8 dan subseksyen 61(3) ACP.
- 3.4 "Individu" bermaksud orang biasa.
- 3.5 "Jumlah pendapatan" berkaitan dengan seseorang dan suatu tahun taksiran, bermaksud jumlah pendapatan yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.6 "Orang" termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.7 "Pendapatan berkanun" berhubung dengan seseorang, suatu punca dan suatu tahun taksiran, bermaksud pendapatan berkanun yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.8 "Penyelesai", berhubung dengan suatu penyelesaian, termasuk mana-mana orang yang membuat penyelesaian secara langsung atau tidak langsung, dan mana-mana orang telah disediakan atau sedang menyediakan dana atau mengkredit secara langsung atau tidak langsung bagi tujuan penyelesaian atau

telah dibuat dengan mana-mana orang lain suatu pengaturan timbal balik untuk orang lain dengan membuat atau memasuki suatu penyelesaian.

- 3.9 "Pemastautin" bermaksud pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu taksiran menurut seksyen 7, 8 dan subseksyen 61(3) ACP.
- 3.10 "Penyelesaian" adalah termasuk apa-apa pelupusan, amanah, surat ikatan, perkiraan atau perjanjian dan apa-apa pemindahan aset atau pendapatan tetapi tidak termasuk –
- (a) penyelesaian yang mana pada pandangan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) diwujudkan untuk bayaran yang bernilai dan memadai;
 - (b) penyelesaian yang berbangkit daripada perintah mahkamah; atau
 - (c) apa-apa perjanjian yang dibuat oleh majikan untuk membayar kepada pekerja atau kepada balu pekerja atau mana-mana saudara atau tanggungan pekerja selepas kematian pekerja seperti saraan, pencen atau bayaran sekali gus yang KPHDN berpendapat adalah berpatutan dan munasabah.
- 3.11 "Saudara" bermaksud anak kepada penyelesai (termasuk anak tiri penyelesai dan anak di bawah jagaan penyelesai atau anak yang perbelanjaannya ditanggung sepenuhnya atau sebahagiannya oleh penyelesai, anak angkat penyelesai atau anak angkat suami atau isteri penyelesai di bawah mana-mana undang-undang, dan mana-mana orang yang ianya seorang isteri, cucu, abang, kakak atau adik, bapa saudara, ibu saudara, anak saudara lelaki, anak saudara perempuan atau sepupu kepada penyelesai.
- 3.12 "Syarikat" bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuklah mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.
- 3.13 "Tahun taksiran" bermaksud tahun kalendar.
- 3.14 "Tempoh asas" berhubung dengan seseorang, suatu puncanya dan suatu tahun taksiran bermaksud tempoh asas, sekiranya ada, seperti yang ditentukan mengikut seksyen 21 atau 21A ACP.

4. Pengenalan

Seseorang (penyelesai) boleh menentukan untuk mewujudkan suatu penyelesaian untuk manfaat orang lain (benefisiari) iaitu saudara atau orang lain. Kadangkala walaupun penyelesai memindahkan pendapatannya dan aset yang menghasilkan

pendapatan ke dalam suatu penyelesaian, penyelesaian boleh mengambil keputusan untuk mengekalkan kuasanya bagi membatalkan penyelesaian tersebut atau memegang kepentingan kawalan atau kebolehcapaian pendapatan tersebut. Penyelesaian mungkin ada kalanya digunakan sebagai cara penyelesaian memindahkan sama ada pendapatannya atau modalnya kepada benefisiari yang mempunyai tanggungan cukai pada kadar yang lebih rendah jika dibandingkan dengan kadar cukai penyelesaian. Perkara yang perlu diambil perhatian adalah wujudnya seorang penyelesaian merupakan persoalan fakta yang perlu ditentukan berasaskan fakta dan keadaan sesuatu penyelesaian diwujudkan.

5. Penyelesai

Penyelesai ialah seseorang yang mewujudkan penyelesaian untuk manfaat orang lain. Bagi tujuan pencukaian:

- (a) Penyelesai termasuk mana-mana orang yang mewujudkan atau terlibat bagi tujuan penyelesaian, iaitu seseorang yang meletakkan atau memberi wang tunai atau aset lain ke dalam penyelesaian yang diwujudkan bagi manfaat orang lain (benefisiari). Ini dikenali sebagai penyelesaian harta dan boleh dilakukan secara langsung atau tidak langsung oleh penyelesaian.
- (b) Penyelesai juga termasuk orang yang mewujudkan suatu pengaturan timbal balik dengan seorang yang lain untuk orang lain itu memasuki suatu penyelesaian. Penyelesaian timbal balik adalah sesuatu yang mana dua transaksi mempunyai sifat yang serupa.

Contoh 1

Aaron memindahkan wang tunai miliknya ke dalam akaun bank anaknya bernama Harry (remaja bawah umur 21 tahun) bagi tujuan mewujudkan penyelesaian. Harry akan menjadi benefisiari bagi pendapatan yang terbit daripada penyelesaian ini.

Aaron, iaitu ayah adalah seorang penyelesaian memandangkan beliau secara langsung meletakkan (atau menyelesaikan) dana ke dalam penyelesaian.

Contoh 2

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 1 kecuali ayah Aaron iaitu Sam menyediakan dana untuk Aaron bagi mewujudkan suatu penyelesaian untuk Harry (cucu kepada Sam).

Sam dianggap sebagai penyelesaian sebenar kerana beliau secara tidak langsung menyediakan (atau menyelesaikan) dana untuk Aaron bagi mewujudkan penyelesaian untuk Harry.

Contoh 3

Don dan Arul adalah sahabat. Mereka tiada hubungan kekeluargaan. Don membuat perjanjian dengan Arul bahawa Don akan memindahkan dana di bawah suatu penyelesaian kepada anak lelaki bongsu Arul dengan persetujuan bahawa Arul memindahkan dana dengan jumlah yang sama kepada anak perempuan bongsu Don di bawah suatu penyelesaian.

Don dan Arul telah memasuki suatu penyelesaian timbal balik dan kedua-dua penyelesaian adalah bertanggungjawab berkenaan anak masing-masing iaitu Don adalah penyelesaian untuk anak perempuannya dan Arul adalah penyelesaian untuk anak lelakinya.

Contoh 4

Malek telah memberikan wang tunai miliknya kepada anak lelakinya, Amir (remaja bawah umur 21 tahun) untuk memulakan perniagaan milikan tunggal yang dijalankan oleh Amir.

Malek, iaitu ayah adalah penyelesaian secara langsung memandangkan beliau menyediakan (atau menyelesaikan) dana untuk Amir, remaja bawah umur dan belum berkahwin untuk memulakan perniagaan. Malek telah mewujudkan suatu penyelesaian untuk Amir.

6. Penyelesaian

Penyelesaian boleh diwujudkan oleh penyelesaian tetapi bagi tujuan pencukaian, namun benefisiari penyelesaian tersebut tidak secara automatik dikenakan cukai ke atas pendapatan yang terbit daripada penyelesaian kerana pendapatan tersebut boleh disifatkan sebagai pendapatan penyelesaian.

6.1 Skop penyelesaian

Penyelesaian merangkumi -

- (a) setiap transaksi dalam maksud biasa bagi penyelesaian;
- (b) juga sebarang pelupusan, amanah, perjanjian, pengaturan atau perjanjian atau apa-apa pindah milik aset atau pendapatan.

Dalam kata lain, penyelesaian boleh melibatkan perjanjian bertulis atau surat ikatan. Walau bagaimanapun, jika tiada suatu surat ikatan, penyelesaian boleh termasuk perjanjian tidak bertulis atau pemberian secara langsung atau pindah milik hartanah. Perlu ada suatu bentuk perjanjian, sama ada secara formal atau tidak formal, di mana harta atau pendapatan yang dimiliki oleh seseorang dipindahkan kepada orang lain. Harta termasuklah wang tunai, tanah dan lain-

lain bentuk aset fizikal termasuk saham, hak dan opsyen saham. Dalam sesuatu penyelesaian, perkara yang mesti wujud adalah elemen pemberian atau penerimaan tanpa balasan atau untuk nilai yang kurang dari nilai pasaran terbuka.

Contoh 5

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 1.

Aaron memindahkan wang tunai miliknya ke dalam akaun bank anaknya bagi tujuan meletakkan wang tersebut ke dalam suatu penyelesaian. Suatu penyelesaian timbul memandangkan elemen pemberian wujud apabila wang dimasukkan ke dalam akaun anaknya dan anaknya mendapat manfaat daripada pendapatan yang terbit di bawah penyelesaian tersebut.

Contoh 6

Ahmad berjanji untuk membayar kepada suatu amanah $\frac{1}{4}$ daripada pendapatan tahunannya daripada semua punca untuk pengumpulan sehingga anak-anaknya mencapai umur 21 tahun. Di bawah amanah untuk pengumpulan tersebut, pendapatan yang boleh diagihkan daripada amanah ini akan terkumpul sehingga benefisiari mencapai syarat tertentu (yang termaktub di bawah terma penyelesaian) seperti mencapai tahap umur tertentu.

Suatu penyelesaian telah dibuat oleh Ahmad dengan mewujudkan amanah untuk pengumpulan.

6.2 Pengecualian daripada suatu penyelesaian

Terdapat beberapa pengaturan yang tidak dianggap sebagai penyelesaian. Penyelesaian tidak termasuk –

- (a) penyelesaian yang mana pada pandangan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) diwujudkan untuk bayaran yang bernilai dan memadai;

Contoh 7

Harris memindahkan wangnya kepada Zul, iaitu saudaranya untuk membeli sebidang tanah daripada Zul pada nilai pasaran.

Pemindahan wang sebagai bayaran untuk sebidang tanah tidak dianggap sebagai suatu penyelesaian kerana harga yang dibayar adalah pada nilai pasaran, yang merupakan bayaran pada nilai yang memadai.

Nota

Umumnya, pemindahan wang secara komersial di antara saudara mara tidak termasuk dalam penyelesaian.

- (b) penyelesaian yang terhasil dari perintah mahkamah; dan

Contoh 8

Seorang suami bercerai dengan isterinya dan mahkamah memerintahkan suami untuk membuat pembayaran kepada anak-anaknya yang tinggal bersama bekas isterinya.

Pembayaran yang dibuat atas perintah mahkamah tidak dianggap sebagai penyelesaian.

- (c) perjanjian yang dibuat oleh majikan untuk membuat pembayaran saraan, pencen dan sebagainya yang adil dan munasabah kepada pekerja atau orang tanggungan pekerja selepas pekerja tersebut meninggal dunia.

Contoh 9

Ahmad merupakan kakitangan Dinas Sdn Bhd yang telah berkhidmat selama 15 tahun. Ahmad meninggal dunia dalam tempoh perkhidmatan dengan syarikat tersebut. Dinas Sdn Bhd sebagai majikan telah menjelaskan bayaran tunggakan gaji dan bayaran ganjaran bagi menghargai perkhidmatan Ahmad semasa hayatnya berdasarkan kontrak pengajian Ahmad. Bayaran telah dibuat kepada isteri Ahmad sebulan selepas Ahmad meninggal dunia.

Pembayaran yang diterima oleh isteri Ahmad mengikut kontrak pengajian Ahmad adalah adil dan munasabah. Oleh yang demikian pembayaran ini tidak dianggap sebagai suatu penyelesaian.

7. Pendapatan daripada Penyelesaian Disifatkan Sebagai Pendapatan Penyelesai

Seksyen 65 ACP memperuntukkan secara khusus untuk menangani keadaan berikut di mana pendapatan yang terbit di bawah penyelesaian adalah disifatkan sebagai pendapatan penyelesaian dan ditaksir di bawahnya:

- 7.1 Penyelesaian bagi saudara yang belum berkahwin dan berumur bawah 21 tahun.

- (a) Sekiranya penyelesaian diwujudkan sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk manfaat individu bawah umur atau saudara penyelesaian, apa-apa pendapatan yang terbit di bawah penyelesaian daripada mana-mana punca pendapatan atau pendapatan yang dihasilkan daripada aset adalah disifatkan sebagai pendapatan penyelesaian, dan bukan pendapatan orang lain (benefisiari) apabila semua syarat berikut dipenuhi:
- (i) di bawah terma apa-apa penyelesaian; dan
 - (ii) semasa hayat penyelesaian;
 - (iii) apa-apa pendapatan daripada penyelesaian atau aset penyelesaian akan atau mungkin kena dibayar atau terpakai kepada atau bagi manfaat mana-mana saudara penyelesaian; dan
 - (iv) pada permulaan tempoh asas dalam suatu tahun taksiran, saudara itu belum berkahwin dan belum mencapai umur 21 tahun.

[Subseksyen 65(1) ACP]

- (b) Subseksyen 65(1) ACP tidak terpakai bagi keadaan berikut:
- (i) sekiranya penyelesaian meninggal dunia, pendapatan yang terbit daripada penyelesaian selepas tarikh kematian penyelesaian tidak akan disifatkan sebagai pendapatan penyelesaian sekiranya salah satu daripada syarat yang tersebut di perenggan 7.1(a) dalam KU ini tidak dipenuhi. Oleh kerana penyelesaian telah meninggal dunia, ini bermakna syarat di perenggan 7.1(a)(ii) dalam KU ini tidak dipenuhi. Oleh itu, selepas tarikh kematian penyelesaian, saudara yang merupakan benefisiari di bawah umur 21 tahun akan ditaksir ke atas pendapatan yang terbit daripada penyelesaian;
 - (ii) saudara berumur bawah 21 tahun dan telah berkahwin;
 - (iii) saudara yang berumur 21 tahun dan ke atas sama ada telah berkahwin atau belum berkahwin;

Contoh 10

Pada 1.6.2018, Aidi memindah milik sebuah rumah kedai, yang mana pendapatan sewa rumah kedai tersebut diberi sebagai hadiah kepada anak saudaranya yang berumur 18 tahun. Rumah kedai tersebut adalah suatu penyelesaian bagi anak saudaranya dengan niat bahawa pendapatan sewa tersebut akan membiayai pendidikan anak saudaranya. Anak saudaranya akan mencapai umur 21 tahun pada 1.1.2021.

- (a) Pada permulaan tempoh asas (1.1.2018 hingga 31.12.2018) bagi tahun taksiran 2018, anak saudara Aidi masih di bawah umur 21 tahun dan belum berkahwin. Oleh itu, pendapatan sewa yang diperolehi daripada rumah kedai tersebut akan disifatkan sebagai pendapatan Aidi (penyelesai) bagi tahun taksiran 2018 menurut subseksyen 65(1) ACP.
- (b) Begitu juga untuk tahun taksiran 2019 dan 2020, pendapatan sewa akan disifatkan sebagai pendapatan Aidi.
- (c) Apabila anak saudara telah mencapai umur 21 tahun pada 1.1.2021, salah satu syarat di bawah subseksyen 65(1) ACP adalah tidak terpakai. Oleh itu, pendapatan sewa daripada rumah kedai akan ditaksir di bawah nama anak saudara mulai tahun taksiran 2021 dan seterusnya.

Contoh 11

Fakta yang sama seperti di dalam Contoh 10 kecuali Aidi meninggal dunia pada 1.6.2019.

- (a) Bagi tahun taksiran 2018, layanan cukai adalah masih sama seperti dalam Contoh 10.
- (b) Bagi tahun taksiran 2019, pendapatan sewa mulai 1.1.2019 sehingga 31.5.2019 akan disifatkan sebagai pendapatan Aidi (sepanjang hayat penyelesaian) dan ditaksir di atas nama Aidi di bawah subseksyen 65(1) ACP.
- (c) Selepas kematian Aidi pada 1.6.2019, salah satu syarat di bawah subseksyen 65(1) ACP tidak dipenuhi. Oleh itu, pendapatan sewa mulai 1.6.2019 sehingga 31.12.2019 akan ditaksir di bawah nama anak saudara untuk tahun taksiran 2019 walaupun anak saudara masih di bawah umur 21 tahun.
- (d) Bagi tahun taksiran 2020 dan seterusnya, pendapatan sewa akan ditaksirkan di bawah nama anak saudara.

Contoh 12

Fakta yang sama seperti di dalam Contoh 4.

Pendapatan yang terbit daripada penyelesaian iaitu pendapatan daripada perniagaan yang dijalankan oleh anak lelaki Malek akan ditaksir ke atas Malek, iaitu penderma yang mewujudkan penyelesaian. Apabila Amir mencapai umur 21 tahun atau berkahwin sebelum berumur 21 tahun pendapatan yang terbit daripada penyelesaian akan ditaksir di bawah nama Amir.

7.2 Penyelesaian yang boleh dibatalkan

- (a) Sekiranya suatu penyelesaian diwujudkan untuk mana-mana orang dan, selagi terma penyelesaian memberikan penderma atau mana-mana orang lain kuasa untuk membatalkan atau sebaliknya untuk menentukan penyelesaian atau mana-mana peruntukan berikut -
- (i) sama ada dengan serta merta atau pada masa hadapan; atau
 - (ii) sama ada dengan atau tanpa persetujuan mana-mana orang lain; dan
 - (iii) apabila penderma atau isteri penderma akan atau mungkin berhak kepada keseluruhan atau mana-mana bahagian harta atau pendapatan yang terbit daripada penyelesaian selepas pembatalan penyelesaian,
- apa-apa pendapatan yang terbit di bawah penyelesaian adalah disifatkan sebagai pendapatan penderma dan tertakluk kepada subseksyen 45(2) ACP, dan bukan pendapatan mana-mana orang lain.
- (b) Kuasa untuk membatalkan bermakna pendapatan atau aset yang telah dipindahkan ke dalam penyelesaian oleh penderma boleh dipindahkan semula kepada penderma atau isteri penderma apabila menjalankan kuasa tersebut, seperti diperuntukkan di bawah terma penyelesaian.
- (c) Kuasa untuk membatalkan tanpa persetujuan mana-mana orang lain bermakna penderma sendiri mempunyai kuasa untuk menentukan penyelesaian.
- (d) Kuasa untuk membatalkan dengan persetujuan mana-mana orang lain bermakna penderma perlu mendapatkan persetujuan pihak lain (seperti diperuntukkan di bawah terma penyelesaian) untuk menentukan penyelesaian tersebut.
- (e) Kuasa untuk membatalkan atau sebaliknya dalam menentukan penyelesaian atau apa-apa peruntukan daripadanya termasuk kuasa untuk mengambil apa-apa tindakan yang mana penyelesaian tersebut atau suatu peruntukan khusus daripadanya akan tamat. Tindakan penderma harus mengikut terma yang diperuntukkan dalam penyelesaian.
- (f) Kuasa untuk membatalkan suatu penyelesaian mungkin adalah dengan serta merta atau pada masa hadapan. Apabila menjalankan kuasa ini, penyelesaian atau suami / isteri penyelesaian tidak semestinya dengan serta merta berhak kepada pendapatan yang terbit daripada penyelesaian.

Pembatalan tersebut boleh mewujudkan hak kepada pendapatan yang terdapat dalam penyelesaian pada masa hadapan.

- (g) Jika suatu penyelesaian diwujudkan dengan hak pembatalan, apa-apa pendapatan yang terbit daripada penyelesaian disifatkan sebagai pendapatan penyelesaian dan tertakluk kepada taksiran bersama di bawah subseksyen 45(2) ACP. Menurut subseksyen 45(2) –
- (i) Jika seorang penyelesaian dan isteri / suami yang tinggal bersama dalam suatu tahun asas untuk suatu tahun taksiran dan dalam tahun asas itu, tidak berhenti tinggal bersama atau tidak berhenti menjadi suami dan isteri antara satu sama lain, isteri / suami boleh memilih secara bertulis bahawa jumlah pendapatan isteri / suami disatukan dengan jumlah pendapatan suami / isteri dan ditaksir di atas nama suami / isteri bagi tahun taksiran tersebut.
- (ii) Jika isteri / suami yang membuat pilihan adalah bukan pemastautin dalam tahun asas bagi tahun taksiran tersebut, isteri / suami tersebut, mengikut mana yang berkenaan, boleh membuat pilihan di bawah subseksyen 45(2) ACP hanya jika isteri / suami adalah warganegara.
- (h) Di mana penyelesaian atau isteri penyelesaian akan atau mungkin berhak kepada pendapatan atau aset penyelesaian kerana benefisiari meninggal dunia sebelum penyelesaian, pendapatan daripada penyelesaian tidak disifatkan sebagai pendapatan penyelesaian.

[Subseksyen 65(2) ACP]

Contoh 13

Osman menerima pendapatan sewa daripada beberapa hartanah dan bangunan pejabat. Pada 1.3.2017, beliau mewujudkan suatu penyelesaian melalui suatu perjanjian bertulis. Benefisiari adalah anak perempuannya yang berumur 20 tahun pada 1.1.2017. Terma penyelesaian menyatakan bahawa semua pendapatan daripada hartanah Osman akan diberikan kepada anak perempuannya, dengan syarat anak perempuannya perlu berkahwin dengan anak lelaki sahabat Osman di zaman kanak-kanak sebelum anak perempuannya mencapai umur 28 tahun. Jika anak perempuannya gagal berkahwin dengan calon pilihan Osman, penyelesaian tersebut akan terbatal dan hartanah tersebut akan berpindah kepada isteri Osman.

Walaupun anak perempuan Osman belum mencapai umur 21 tahun pada masa penyelesaian diwujudkan tetapi hak pembatalan oleh Osman wujud. Oleh itu, pendapatan yang terbit daripada penyelesaian dengan hak pembatalan disifatkan sebagai pendapatan Osman (penyelesai) di bawah subseksyen 65(2) ACP.

Contoh 14

Pada 1.3.2018, Chan memindahkan pendapatan sewa hartanahnya ke dalam suatu penyelesaian untuk manfaat anak saudaranya, Charlie yang berumur 25 tahun pada 1.1.2018 dengan fahaman bahawa anak saudaranya akan terus tinggal di Malaysia. Di bawah terma penyelesaian, jika Charlie memilih untuk berhijrah ke luar negara, Chan mempunyai hak untuk membatalkan penyelesaian dan hartanah tersebut akan berpindah kepada isteri Chan.

Oleh kerana penyelesaian tersebut diwujudkan dengan hak pembatalan, apa-apa pendapatan yang terbit daripada hartanah penyelesaian disifatkan sebagai pendapatan Chan (penyelesai).

Contoh 15

Fakta adalah sama seperti Contoh 14 kecuali hartanah tersebut dipindahkan tanpa hak pembatalan dan Charlie meninggal dunia dalam kemalangan 5 tahun selepas pemindahan berlaku. Hartanah telah kembali kepada Chan selepas anak saudaranya meninggal dunia.

Pendapatan yang terbit daripada penyelesaian semasa Charlie masih hidup akan ditaksir ke atas Charlie di mana Chan tidak mempunyai hak untuk membatalkan penyelesaian tersebut. Chan hanya berhak semula kepada pendapatan dan hartanah penyelesaian kerana Charlie, benefisiari telah meninggal dunia sebelum Chan (penyelesai) dan bukan atas sebab kuasa pembatalan oleh Chan.

Contoh 16

Richard memiliki beberapa hartanah yang mana beliau menerima pendapatan sewa. Beliau memasuki suatu perjanjian yang dengannya beliau menyelesaikan salah satu hartanah miliknya dan pendapatan sewa daripada hartanah tersebut kepada rakannya dari zaman kanak-kanak selagi rakannya masih hidup. Selepas kematian rakannya, hartanah tersebut dan hak kepada pendapatan sewa hartanah tersebut berpindah kepada isteri Richard.

Pendapatan daripada hartanah di bawah penyelesaian tersebut adalah pendapatan rakannya dan bukan pendapatan Richard di mana Richard tiada kuasa untuk membatalkan penyelesaian ini. Isteri Richard hanya akan menjadi pemilik benefisial hartanah tersebut apabila rakannya (benefisiari) meninggal dunia sebelum Richard (penyelesai).

- 7.3 Pendapatan yang wujud daripada penyelesaian digunakan oleh penyelesai yang mengawal penyelesaian

- (a) Jika dalam tahun asas bagi suatu tahun taksiran seorang penyelesai, saudara atau syarikat yang dikawal oleh penyelesai atau saudara –
- (i) menggunakan bagi tujuan sendiri;
 - (ii) sama ada dengan meminjam atau cara lain;
 - (iii) apa-apa pendapatan yang terbit atau apa-apa pendapatan terkumpul daripada suatu penyelesaian di mana ianya tidak berhak jumlah pendapatan atau sebarang pendapatan terkumpul yang digunakan adalah disifatkan sebagai pendapatan penyelesai dan bukan pendapatan benefisiari bagi tahun taksiran yang berkenaan.
- (b) Jika benefisiari yang sebenarnya berhak kepada pendapatan yang terbit daripada penyelesaian telah membayar cukai ke atas pendapatan tersebut, bayaran balik akan dibuat kepadanya. Situasi ini akan timbul apabila pendapatan tersebut disifatkan sebagai pendapatan penyelesai.

[Subseksyen 65(3) ACP]

Contoh 17

Mohan memindahkan semua hartanahnya yang menghasilkan pendapatan sewa kepada anak perempuannya yang berumur 35 tahun di bawah suatu penyelesaian dalam tahun 2010. Bagi tahun 2010 hingga 2018 cukai atas pendapatan sewa yang diterima telah dibayar oleh anak Mohan. Dalam tahun 2019, perniagaan Mohan telah terkesan akibat kemerosotan jualan. Mohan menggunakan pendapatan sewa yang berjumlah RM60,000 bagi tahun 2019 dan pendapatan terkumpul yang berjumlah RM100,000 daripada penyelesaian tersebut untuk mengekalkan perniagaannya.

Mohan, seorang penyelesai yang mempunyai kawalan ke atas anaknya dan menggunakan pendapatan sewa dan pendapatan terkumpul yang terbit daripada penyelesaian bagi tujuan peribadi untuk mengekalkan perniagaannya. Oleh itu, pendapatan sewa bagi tahun taksiran 2019 dan pendapatan terkumpul berjumlah RM160,000 daripada penyelesaian yang telah digunakan oleh Mohan akan disifatkan sebagai pendapatan Mohan dalam tahun taksiran 2019.

Jika anak perempuan Mohan telah menjelaskan cukai atas pendapatan sewa berjumlah RM60,000 bagi tahun taksiran 2019, maka beliau boleh memohon bayaran balik.

Contoh 18

Husin mewujudkan suatu penyelesaian dan telah memindah milik hartanah komersialnya kepada anak lelakinya. Pendapatan sewa yang terbit daripada penyelesaian tersebut berjumlah RM200,000 setiap tahun. Pada tahun taksiran 2019, syarikat yang dikawal oleh Husin telah memperoleh pinjaman berjumlah RM100,000 daripada pemegang amanah penyelesaian.

Syarikat yang dikawal oleh Husin mengambil dan menggunakan pinjaman berjumlah RM100,000 yang terbit daripada penyelesaian tersebut. Pinjaman berjumlah RM100,000 disifatkan sebagai pendapatan Husin (penyelesai) bagi tahun taksiran 2019.

8. Penyelesaian Mewujudkan Amanah

Pendapatan benefisiari daripada penyelesaian jika amanah diwujudkan akan disifatkan sebagai pendapatan penyelesaian dan bukan pendapatan orang lain.

- (a) Dalam kes penyelesaian, amanah mungkin diwujudkan di bawah terma penyelesaian supaya pendapatan penyelesaian atau pendapatan yang terbit daripada aset yang menghasilkan pendapatan dipindahkan kepada amanah oleh penyelesaian. Jika pendapatan daripada badan amanah sesuatu amanah disifatkan sebagai pendapatan penyelesaian, ini bermakna bahawa pendapatan benefisiari daripada badan amanah sesuatu amanah tersebut adalah disifatkan sebagai pendapatan penyelesaian. Akaun pendapatan daripada penyelesaian yang disifatkan sebagai pendapatan penyelesaian adalah –
- (i) pendapatan berkanun benefisiari daripada mana-mana hartanah dalam penyelesaian atau jika benefisiari adalah bukan pemastautin, pendapatan berkanun benefisiari akan menjadi pendapatan berkanun daripada semua hartanah seolah-olah benefisiari adalah pemastautin dalam semua tahun taksiran yang berkenaan; atau
 - (ii) akaun yang ditentukan oleh KPHDN yang mana penyelesaian atau mana-mana saudara penyelesaian atau mana-mana syarikat berkaitan dengan penyelesaian atau mana-mana saudara penyelesaian mempunyai kawalan menggunakannya bagi tujuan peribadi, melalui pinjaman atau sebaliknya, apa-apa pendapatan yang terbit atau pendapatan terkumpul di bawah penyelesaian;

dan pendapatan tersebut disifatkan sebagai pendapatan penyelesaian yang diperolehi daripada mana-mana tempat dan punca seperti yang ditetapkan oleh KPHDN sebagai pendapatan berkanun penyelesaian.

[Subperenggan 65(5)(a) ACP]

Contoh 19

Ellen mewujudkan penyelesaian untuk anak-anaknya, Amy berumur 10 tahun dan Benny berumur 18 tahun dengan menubuhkan amanah tanpa budibicara. Benny sedang belajar di United Kingdom sejak berumur 12 tahun dan tidak bermastautin di Malaysia sejak tahun 2016. Bagi tahun taksiran 2019, badan amanah tersebut mempunyai pendapatan berjumlah RM10,000 dan menerima pendapatan berjumlah RM5,000 daripada punca luar negara yang telah diremitkan ke Malaysia. Setiap benefisiari layak menerima $\frac{1}{2}$ bahagian pendapatan yang diagihkan berjumlah RM15,000 daripada badan amanah tersebut. Amy adalah pemastautin dan Benny adalah bukan pemastautin bagi tahun taksiran 2019.

**Tahun Taksiran 2019
Hak Benefisiari kepada Pendapatan Boleh Diagihkan dan
Jumlah Pendapatan Badan Amanah**

Benefisiari	Kelayakan	
	Pendapatan Boleh Diagihkan	Jumlah Pendapatan
Amy (Pemastautin)	7,500 ($\frac{1}{2} \times 15,000$)	5,000 ($\frac{1}{2} \times 10,000$)
Benny (Bukan Pemastautin)	7,500 ($\frac{1}{2} \times 15,000$)	5,000 ($\frac{1}{2} \times 10,000$)

Bagi tahun taksiran 2019 –

- (i) Pendapatan berkanun Amy daripada punca biasa adalah berjumlah RM5,000. Pendapatan daripada punca lain adalah pendapatan dari punca luar negara diterima dikecualikan daripada cukai di bawah perenggan 28, Jadual 6 ACP.
- (ii) Pendapatan berkanun Benny daripada punca biasa adalah berjumlah RM5,000. Memandangkan Benny bukan pemastautin, pendapatan daripada punca luar negara yang diterima dikecualikan daripada cukai di bawah perenggan 28, Jadual 6 ACP.

Bagi tahun taksiran 2019, jumlah pendapatan berkanun Amy (RM5,000) dan Benny (RM5,000) disifatkan sebagai pendapatan Ellen [RM10,000 (RM5,000 + RM5,000)] daripada penyelesaian menurut subseksyen 65(5) ACP. Bagi tujuan penentuan pendapatan berkanun Benny yang bukan pemastautin, beliau diberi layanan seolah-olah bermastautin di bawah subperenggan 65(5)(a)(i) ACP.

Nota

Untuk maklumat lanjut berhubung amanah, sila rujuk Ketetapan Umum No.9/2020 bertajuk Pencukaian Amanah yang boleh dimuat turun daripada portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di www.hasil.gov.my.

- (b) Punca pendapatan badan amanah sesuatu amanah dimana amanah yang diwujudkan di bawah penyelesaian

Jika di bawah terma penyelesaian seseorang yang mempunyai kuasa untuk membatalkan penyelesaian dan akibat daripada menjalankan kuasa tersebut penyelesaian atau suami / isteri penyelesaian berhak kepada keseluruhan atau sebahagian dari mana-mana harta yang wujud dalam penyelesaian, pendapatan berkanun daripada setiap punca badan amanah adalah disifatkan sebagai milik penyelesaian dan diperolehi daripada mana-mana tempat dan punca penyelesaian seperti penentuan KPHDN. Pendapatan berkanun disifatkan sebagai pendapatan penyelesaian yang berhubungkait dengan penyelesaian. Jika kerugian dikekalkan dalam perniagaan di bawah penyelesaian, kerugian tersebut tidak disifatkan sebagai kerugian penyelesaian dan tiada pelepasan yang boleh dituntut oleh penyelesaian berkaitan kerugian tersebut.

[Subseksyen 65(6) ACP]

9. Kes-kes Penyelesaian di mana Amanah Tidak Diwujudkan

Dalam kes penyelesaian yang tidak melibatkan kewujudan amanah, pendapatan penyelesaian adalah jumlah –

- (i) pendapatan berkanun benefisiari daripada mana-mana harta yang wujud dalam penyelesaian seolah-olah penyelesaian adalah pemastautin tidak kira sama ada penyelesaian pemastautin atau tidak dalam tahun taksiran berkenaan; atau
- (ii) amaun yang telah ditentukan oleh KPHDN di mana penyelesaian atau mana-mana saudara penyelesaian atau mana-mana syarikat yang berkaitan kepada penyelesaian atau mana-mana saudaranya yang mempunyai kawalan untuk menggunakan bagi tujuan peribadi, melalui pinjaman atau lain-lain cara, apa-apa pendapatan yang wujud atau pendapatan terkumpul yang terbit di bawah penyelesaian;

dan pendapatan tersebut disifatkan sebagai pendapatan penyelesaian adalah disifatkan diperolehi dari mana-mana tempat dan punca sebagai pendapatan berkanun penyelesaian seperti diarahkan KPHDN.

[Subperenggan 65(5)(b) ACP]

10. Resolusi terhadap Jumlah Apa-Apa Pendapatan yang Dibayar atau Pembahagian Pendapatan atau Pendapatan Berkanun

Sekiranya timbul persoalan berkaitan jumlah apa-apa bayaran pendapatan atau sebagai apa-apa pembahagian pendapatan atau pendapatan berkanun berkaitan dengan penyelesaian, persoalan tersebut ditentukan oleh KPHDN dan tiada rayuan boleh dibuat terhadap keputusan KPHDN.

[Subseksyen 65(7) ACP]

11. Dua atau Lebih Penyelesai dalam Suatu Penyelesaian

Sekiranya dalam kes penyelesaian terdapat dua atau lebih penyelesai, setiap penyelesai akan dilihat secara berasingan. Dalam menentukan pendapatan yang terbit di bawah penyelesaian yang berkaitan dengan setiap penyelesai, hanya bahagian pendapatan dalam pembahagian pendapatan atau pendapatan yang dihasilkan oleh aset yang dipindahkan secara langsung atau tidak langsung bagi tujuan penyelesaian bagi setiap penyelesai.

[subseksyen 65(9) ACP]

Contoh 20

Ari dan Daniel yang merupakan adik beradik telah mewujudkan penyelesaian bersama bagi anak saudara mereka Zul yang berumur 18 tahun pada 1.1.2019. Ari menyelesaikan 2 buah rumah kedai dan Daniel menyelesaikan 10 ekar tanah ladang kepada Zul. Di bawah terma penyelesaian, Zul akan menerima RM36,000 setahun daripada pendapatan sewa rumah kedai dan RM24,000 setahun daripada penjualan buah-buahan segar.

Kedua-dua penyelesai menyelesaikan hartanah kepada anak bawah umur yang belum berkahwin. Oleh itu, pendapatan yang timbul daripada penyelesaian adalah disifatkan sebagai pendapatan penyelesai menurut subseksyen 65(1) ACP. Bagi tahun taksiran 2019, jumlah pendapatan berkanun daripada penyelesaian untuk Ari dan Daniel masing-masing adalah berjumlah RM36,000 dan RM24,000.

12. Mendapatkan Semula Cukai Pendapatan yang Dibayar oleh Penyelesai

Sekiranya cukai telah dikenakan ke atas penyelesai atau telah dibayar oleh penyelesai ke atas pendapatan yang telah disifatkan ke atas penyelesai di bawah suatu penyelesaian, penyelesai berhak untuk mendapatkan semula cukai yang telah dibayar daripada -

- (a) mana-mana pemegang amanah penyelesaian yang menerima pendapatan yang terbit secara langsung atau tidak langsung; atau

- (b) mana-mana benefisiari yang sebenarnya menerima pendapatan yang disifatkan kepada penyelesaian;

dan penyelesaian juga layak memohon daripada KPHDN untuk mengemukakan sijil yang menyatakan jumlah cukai yang telah dibayar dan apa-apa sijil yang mengandungi bukti kukuh. Sijil ini adalah untuk membantu penyelesaian dalam pemulihan cukai.

[Subseksyen 65(4) ACP]

13. **Penafian**

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**